

**RADIO NEGERI.fm: PEMANFAATAN RADIO SEBAGAI MEDIUM PENDIDIKAN  
ISLAM TIDAK FORMAL**

Md Rozalafri Johori<sup>1</sup>, Mohd Daly Daud<sup>2</sup>, Rahmahtunnisah Hj Sailin<sup>3</sup>, Nursyamimi Harun<sup>4</sup>,  
Nurul Jamilah Ismail Rani<sup>5</sup>

Jabatan Komunikasi,  
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[rozalafri@kuis.edu.my](mailto:rozalafri@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [mohddaly@kuis.edu.my](mailto:mohddaly@kuis.edu.my)<sup>2</sup>, [rahmahtunnisah@kuis.edu.my](mailto:rahmahtunnisah@kuis.edu.my)<sup>3</sup>,  
[nursyamimi@kuis.edu.my](mailto:nursyamimi@kuis.edu.my)<sup>4</sup> dan [jamilah@kuis.edu.my](mailto:jamilah@kuis.edu.my)<sup>5</sup>

**ABSTRAK**

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peranan radio sebagai medium pendidikan Islam bukan formal. Radio merupakan media elektronik yang berpengaruh dan fleksibel kerana ia berupaya mendidik, membujuk, menghibur dan menyampaikan maklumat. Ia mempunyai khalayak pendengar yang ramai dan merupakan antara media pilihan, terutama di Negeri Sembilan menerusi siaran radio tempatan - Radio NEGERI.fm. Walau bagaimanapun, program bermanfaat yang berbentuk pendidikan Islam masih kurang dari segi kuantiti dan kualitinya, sedangkan kajian mendapati bahawa sambutan kepada rancangan agama sangat memberangsangkan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu sebanyak 700 borang soal selidik telah diedarkan kepada pendengar Radio NEGERI.fm di seluruh Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 506 borang selidik telah dikembalikan oleh responden. Hasil analisis kajian mendapati bahawa pendengar yang menggunakan radio untuk mempelajari Islam secara bukan formal berada pada tahap sederhana tinggi. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mempertingkatkan kualiti kandungan siaran agar lebih bermanfaat dan mempunyai nilai ilmiah. Misalnya, dicadangkan agar sesi wawancara bersama tokoh-tokoh akademik dan budayawan tempatan terus dipergiat.

**Kata Kunci:** Radio Islam, Pendidikan Tidak Formal, Media Islam, Penyiaran Islam.

## **PENDAHULUAN**

Islam ialah agama yang syumul dan fikrahnya sebagai agama yang mendidik. Radio ialah media konvensional yang masih mempunyai peranannya yang tersendiri meskipun dengan kemunculan televisyen dan internet. Penggunaan serta sumbangan radio masih lagi relevan, liputannya meluas dan boleh didengari di semua kawasan, baik di rumah, pekan kecil, bandar malah di seluruh negara bergantung kepada kekuatan jarak liputan atau isyaratnya. Radio sebagai sebuah medium komunikasi tidak hanya dijadikan alat untuk menyebarkan maklumat, lebih daripada itu ia turut berperanan sebagai agen pendidikan tidak formal. Pendidikan bukan formal ini boleh memberi kesan mendalam kepada jiwa manusia yang mencari ketenangan, dahagakan ilmu agama dan mencari keredhaan Allah.

Teknologi maklumat telah memudahkan orang ramai untuk menghadiri kelas agama tanpa perlu meninggalkan rumah. Kini, individu yang tidak berkemampuan untuk keluar rumah terutamanya wanita untuk menghadiri kelas pendidikan Islam boleh mengikuti kelas secara maya dan ceramah daripada rumah masing-masing. Hal ini kerana dengan radio pendengar boleh mendapatkan apa sahaja maklumat yang berkaitan dengan keperluan mereka hanya dalam beberapa saat (Saifee, 2012). Maklumat dari radio dalam konteks ini berfungsi dan berperanan sebagai pembimbing, pendakwah dan pendidik yang bertanggungjawab dalam kerangka mewujudkan masyarakat yang maju dan beradab (Marina Munira Mutalib, 2011)

Oleh itu, radio sebagai medium pendidikan Islam bukan formal mempunyai banyak kelebihan (Kholil, 2004), antaranya; radio siaran bersifat langsung, maklumat-maklumat agama dapat disampaikan tanpa melalui proses yang rumit; kedua, radio siaran tidak mempunyai jarak dan rintangan, suatu maklumat diucapkan oleh penyiar, maklumat-maklumat tersebut dapat didengar secara langsung oleh khalayak walaupun jauh jarak yang dituju dan banyaknya rintangan yang dilalui seperti pergunungan, lautan, padang pasir dan sebagainya, siaran radio tetap juga dapat menembusnya, seterusnya; ketiga radio siaran memiliki daya tarik, iaitu berupa kata-kata lisan

(*spoken word*), muzik dan efek suara sehingga acara yang disajikan di radio menjadi hidup dan keempat, radio sangat ringkas dan dapat didengar dalam suasana yang lebih santai, sambil tidur, dalam kenderaan atau sambil mengerjakan sesuatu.

Radio adalah pelengkap kepada pendidikan formal. Konsep pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) telah menjadikan Pendidikan Bukan Formal (PBF) semakin penting dan diberi perhatian oleh semua pihak sama ada individu, organisasi mahupun pemerintah. PBF melalui medium komunikasi penting bagi menghadapi cabaran pada era globalisasi ini merangkumi keseluruhan daripada dimensi hidup manusia, iaitu ekonomi, politik dan sosial. Malah lebih penting lagi adalah cabaran terhadap nilai-nilai spiritual dan budaya manusia (Mohd Azhar Abd Hamid, Muhammed Fauzi Othman, Zainudin Hassan, 1996) yang mana pengaruh negatifnya juga dibawa oleh medium komunikasi.

Pendidikan bukan formal merupakan pengajaran nilai-nilai moral dan mengurus kehidupan hariannya melalui penglihatan, pendengaran dan pengamatan. Ia merupakan hasil daripada interaksi manusia dengan persekitarannya. Perhubungan atau interaksi yang aktif terhadap persekitaran boleh meningkatkan input kepada pemikiran dan dapat meningkatkan pengetahuan serta kematangan seseorang individu. Individu yang boleh mengaitkan persekitaran dengan penciptanya lebih mudah untuk mencapai kehidupan yang bersifat universal (sejagat) dan kenal akan dirinya kerana kehidupan adalah proses pendidikan sepanjang hayat dan dipengaruhi oleh sumber yang ada di persekitarannya. Pengalaman yang diperolehi daripada persekitaran yang melibatkan masyarakat setempat, keluarga, tempat kerja dan juga media massa boleh membantu individu mendapatkan kemahiran dan nilai-nilai yang baik (Sarju, Hamzah, & Udin, 2010).

Dalam kajian Zulkiple Abd. Ghani (2010), semasa tahun-tahun awal siaran agama di RTM di Angkasapuri, penglibatan ulama sangat terhad, sama ada dalam aspek penulisan skrip atau pun aspek penyampaian program. Siaran rancangan agama menjadi lebih aktif di sekitar hujung tahun 1960an, apabila Bahagian Melayu dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan rancangan-rancangan agama dan beberapa orang penyiar yang mempunyai latar belakang pendidikan agama

mula dilantik sebagai penerbit walaupun di peringkat awal pelantikan mereka tidaklah khusus sebagai penerbit rancangan agama. Sehingga pada tahun 1971, sebanyak tiga belas buah rancangan agama disiarkan melalui Radio Malaysia dalam tempoh seminggu, iaitu rancangan Islam dan Masyarakat, Pendidikan Islam, Sinar Islam, Fardu Jumaat, Kandungan Kitab Suci, Kursus al- Qur'an, Nasyid, Selintas Kisah, Renungan Sepintas Lalu, Berkat Ilahi, Doa, Azan dan Bacaan al- Qur'an.

Radio NEGERI.fm yang merupakan sebuah stesen radio yang dikendalikan di bawah pengurusan Radio Televisyen Malaysia (RTM) beroperasi pada 1990 di Jalan Raja Ali, Seremban kini telah berpindah ke Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad, Sungai Gadut, Negeri Sembilan sejak 2007. Moto Stesen radio tersebut, "Ingat Sampai Bila-Bila" ini mula bersiaran dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari menerusi gelombang 92.6 di Seremban, 95.7 dari Bukit Tampin dan 107.7 dari Gunung Ledang, serta meliputi Negeri Sembilan, beberapa kawasan di Kuala Lumpur, utara Johor, sebahagian Pahang dan beberapa kawasan di Melaka. Siaran stesen ini juga boleh didengari menerusi laman web [www.negeri.fm](http://www.negeri.fm). Kajian trend pendengar radio oleh AC Nielsen (*Nielsen Radio Summary*) bagi tahun 2010 mendapati Radio NEGERI.fm mempunyai seramai 124,000 pendengar (daripada 17,112 pendengar keseluruhan yang berpotensi). Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 97,000 pendengar berbanding tahun 2009 (*Media Planning Guide Malaysia*, 2011). Berdasarkan kajian terbaharu, Radio NEGERI.fm mencatatkan bilangan pendengar seramai 160,000 orang sehingga bulan Jun 2011. Dengan ini, Radio NEGERI.fm mensasarkan menjelang penghujung tahun 2011 jumlah ini boleh meningkat sehingga 200,000 orang.

Kajian ini merujuk Teori Kegunaan dan Pemuasan Kehendak (1942) oleh McQuail dan Windahl (1982) yang pada asasnya memberi beberapa andaian. Andaian pertama, audiens adalah sebagai individu yang aktif yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu apabila mereka mendedahkan diri kepada media; kedua, dalam proses komunikasi massa, khalayak merupakan penyebab kepada proses pemilihan media untuk memenuhi keperluan; dan ketiga, media massa sedia

bersaing dengan sumber-sumber lain untuk memuaskan keperluan khalayak. Kajian ini mendapati penggunaan dan pemuasan kehendak turut memberi tumpuan terhadap aktiviti khalayak.

Kajian terdahulu telah dijalankan oleh Zulkiple Abd. Ghani, (2010). Beliau mengkaji rancangan agama di radio, Bahagian Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia (KPM) pada tahun 1994 dengan menggunakan panel pendengar RTM serta diedarkan juga borang soal selidik secara rawak kepada 88 daerah di Semenanjung Malaysia (10 soal selidik setiap daerah). Didapati bahawa daripada 1064 borang soal selidik yang dikembalikan, 800 responden (75%) menyatakan mereka mendengar rancangan agama di radio dalam tempoh tiga bulan lepas, manakala 264 orang (25%) mengatakan tidak. Dapatan ini menunjukkan sambutan yang diberikan kepada rancangan agama boleh dikatakan memberangsangkan walaupun jumlah masa yang diperuntukkan oleh setiap responden adalah berbeza. Bagi mereka yang memberi jawapan “tidak” (25%), pelbagai alasan dikemukakan seperti “tidak berminat” (59%), “tiada masa”, “mendengar program lain”, “tidak mengetahui sebarang program agama” dan “rancangan agama tidak menarik”. Walaupun jumlah ini agak kecil, namun terdapat asas yang kuat untuk membaiki kelemahan yang wujud dalam penyiaran program agama di radio. Menariknya, terdapat beberapa dapatan yang berbeza daripada anggapan awal, iaitu penduduk di kawasan bandar lebih mendengar rancangan agama di radio berbanding kawasan kampung (di Radio 1, nisbahnya ialah 54:46) dan golongan lelaki melebihi perempuan (nisbah Radio 1, 69:39). Mendengar radio pula boleh dilakukan dalam keadaan ‘bersahaja’ seperti ketika memandu kenderaan atau memasak.

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pola pendengar siaran Radio Malaysia NEGERI.fm dan populariti program Islamik. Diharap melalui objektif ini, pendidikan tidak formal melalui program Islamik yang disiarkan di radio dapat dijadikan panduan untuk khalayak belajar tentang pelbagai aspek yang berkaitan dengan agama Islam. Selain itu juga dapat menjadi pendorong keghairahan hidup seseorang untuk mengembangkan segala potensi yang ada pada

dirinya sebagaimana yang dinyatakan oleh Kholol (2004). Hal ini kerana falsafah penerbitan sesuatu rancangan adalah untuk membina peradaban masyarakat.

Justeru, penerbitan sesuatu program radio itu hendaklah mengutamakan tanggungjawab sosial untuk mendidik dan membetul minda masyarakat (Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media, 2011). Falsafah ini selari dengan peranan radio RTM yang melibatkan tanggungjawab menyebarkan maklumat melalui siaran radio. Ia adalah sebagai usaha yang amat penting dalam proses membina serta membentuk minda rakyat yang progresif, proaktif, bermotivasi dan memiliki peribadi yang mulia serta sentiasa berpegang teguh pada prinsip untuk maju dan berjaya (Radio Televisyen Malaysia, 2010).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian yang dijalankan, kumpulan penyelidik menjalankan kajian secara kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey method*) dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang terbahagi kepada lima (5) bahagian. Set soalan ini adalah penting sebagai suatu medium untuk memungut data daripada responden yang terpilih.

Borang soal selidik telah diedarkan secara rawak bermula pada 16 Ogos hingga 12 September 2011. Daripada 700 borang soal selidik yang diedarkan sebanyak 506 borang soal selidik telah dikembalikan kepada kumpulan penyelidik. Jumlah ini adalah 72.3% daripada jumlah keseluruhan responden borang soal selidik yang diterima semula dan diisi dengan sempurna. Jumlah ini turut mencukupi sebagai mewakili populasi penduduk Negeri Sembilan yang seramai 997,071 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Jumlah responden ini dipilih berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie et. all; 1970) yang menunjukkan bahawa jumlah responden yang dipilih telah mewakili keseluruhan populasi. Ini kerana menurut Krejcie et. all (1970) jumlah sampel 384 orang telah mewakili 1,000,000 orang populasi.

Lokasi bagi kajian ini meliputi daerah Nilai, Kuala Pilah, Bahau, Bandar Baru Serting, Rembau, Johol, Tampin, Gemas, Seremban, Port Dickson, dan Jelebu. Lokasi ini dipilih berdasarkan kepada keseluruhan liputan frekuensi Radio NEGERI.fm pada gelombang 92.6Mhz, 95.7Mhz dan 107.7Mhz.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kaji selidik Pengukuran Pendengar Radio (RAM) Nielsen (2011) melaporkan bahawa rakyat Malaysia merupakan pendengar radio tertinggi di Asia Pasifik dengan purata 21 jam 342 minit seminggu berbanding Australia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina. Kajian dilakukan ke atas 3,000 individu sebagai informan kajian (*Media Planning Guide Malaysia*, 2011).

*Trend* pendengar radio bagi pengguna pula menunjukkan tiga waktu puncak, iaitu antara jam 6.00 pagi hingga jam 10.00 pagi, 4.00 petang hingga 8.00 malam dan 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam. Pagi merupakan waktu paling popular untuk mendengar radio, manakala pecahan pendengar pula ialah daripada pelajar sekolah rendah kepada pelajar universiti yang mendengar radio pada lewat tengah hari dan malam.

Hasil analisis yang diperolehi daripada latar belakang responden meliputi aspek jantina, umur, status perkahwinan, bangsa, tahap pendidikan dan sektor pekerjaan. Analisis taburan demografi responden ini dijelaskan bagi mengetahui pola pendengar siaran Radio Malaysia NEGERI.fm. Dapatan daripada kajian latar belakang responden ini telah diringkaskan dalam bentuk jadual di bawah.

**Jadual 1: Pola Demografi Responden (N=506)**

Item/Pemboleh ubah		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	261	51.6
	Perempuan	245	48.4

Umur	14-23 tahun	167	32.9
	24-33 tahun	143	25.2
	34-43 tahun	99	19.8
	44-53 tahun	69	13.8
	54-83 tahun	28	3.2
Bangsa	Melayu	467	92.3
	India	18	3.6
	Cina	16	3.4
Tahap Pendidikan	PhD	10	2.0
	Sarjana	33	6.5
	Sarjana Muda	70	13.8
	Diploma	95	18.8
	STPM	59	11.7
	SPM	176	34.8
	PMR/SRP	43	8.5
	Lain-Lain	20	4.0
Sektor Pekerjaan	Awam	178	35.2
	Swasta	109	21.5
	Pelajar IPTA/IPTS	104	20.6
	Bekerja Sendiri	67	13.2
	Surirumah	34	6.7
	Pesara	14	2.8

---

Berdasarkan jadual tersebut, 51.6% adalah responden lelaki manakala selebihnya (48.4%) merupakan responden wanita. Pecahan peratusan mengikut umur menunjukkan bahawa peringkat umur responden antara 14 hingga 23 tahun adalah yang tertinggi, iaitu 32.9% (167) diikuti dengan umur 24 hingga 33 tahun sebanyak 25.2% (143). Pecahan pola responden mengikut bangsa pula menunjukkan 92.3% ialah berbangsa Melayu, 3.6% berbangsa India dan 3.2% berbangsa Cina. Analisis taburan tahap pendidikan responden pula menunjukkan majoriti responden adalah dalam kalangan lepasan SPM, iaitu sebanyak 34.8% (176) diikuti dengan



lepasan diploma sebanyak 18.8%. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada responden yang memiliki ijazah sarjana muda dan sarjana juga memberangsangkan dengan masing-masing mewakili 13.8% dan 6.5%. Situasi ini menjelaskan bahawa pengisian kandungan rancangan Radio NEGERI.fm banyak memberi manfaat, kefahaman dan digemari oleh pendengar yang mempunyai kelulusan pendidikan tinggi.

Analisis taburan tahap pendidikan ini juga kelihatan saling berkait dengan dapatan kajian berasaskan sektor pekerjaan. Sebanyak 35.2% (178) responden adalah daripada sektor awam manakala 21.5% (109) adalah sektor swasta. Mahasiswa IPTA dan IPTS juga banyak memberikan sumbangan dan maklum balas, iaitu sebanyak 20.6% (104).

Kepelbagaian demografi pendengar memerlukan penerbit supaya lebih kreatif dalam memikat hati pendengar. Menurut kajian (Kholil, 2004) hasil penelitian menunjukkan bahawa remaja meminati siaran agama Islam yang disampaikan dalam bentuk komentar, dialog interaktif, drama dan diskusi, berbanding dalam bentuk ceramah agama dan konsultasi. Manakala orang dewasa yang berusia 45 tahun ke atas pula meminati penyampaian dalam bentuk ceramah agama dan bimbingan. Keinginan khalayak yang beraneka ragam tersebut perlu diterima dengan menyesuaikan kandungan dan bentuk penyampaian siaran agama Islam itu dengan khalayak sasaran.

Analisis berikut membincangkan kekerapan mendengar dan lokasi mendengar siaran Radio NEGERI.fm.

**Jadual 2: Kekerapan Mendengar Siaran Radio Negeri.fm.**

Pemboleh ubah	Kekerapan	Peratusan(%)
Kekerapan Mendengar		
Kurang Sejam	220	43.5
1 hingga 2 jam	179	35.4
3 hingga 4 jam	68	13.4

	5 hingga 6 jam	29	5.7
	6 jam ke atas	10	2.0
Lokasi Mendengar			
	Dalam kereta/perjalanan	298	58.9
	Rumah	146	28.9
	Pejabat	31	6.1
	Tempat-tempat lain & laman web	31	6.1

Analisis kekerapan mendengar Radio NEGERI.fm menunjukkan 43.5% responden mendengar siaran Radio NEGERI.fm kurang sejam dalam sehari. Manakala 35.4% responden mendengar antara sejam hingga 2 jam sehari. Peratusan ini menunjukkan kadar kekerapan mendengar yang sangat memberangsangkan. Sementara itu, dalam jadual yang sama menunjukkan 58.9% responden mendengar siaran Radio NEGERI.fm semasa dalam perjalanan (semasa memandu). Hal ini kerana responden mendengar radio semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja. Manakala 28.9% responden mendengar di rumah dan 6.1% mendengar di pejabat. Maklum balas daripada responden juga memperlihatkan terdapat perubahan penggunaan medium mendengar radio apabila terdapat dalam kalangan mereka yang mendengar radio melalui medium internet iaitu laman web [www.negeri.fm](http://www.negeri.fm) dan juga telefon bimbit, iaitu sebanyak 6.1%.

Bahagian ini akan menunjukkan bahawa pendengar mendengar siaran Radio NEGERI.fm adalah tinggi. Analisis ini turut menjelaskan pengujian terhadap objektif kajian yang kedua, iaitu untuk melihat populariti program Islamik siaran Radio NEGERI.fm. Analisis ini juga telah diringkaskan mengikut peratusan tertinggi oleh pendengar dalam Jadual 3 berikut.

**Jadual 3: Faktor Penerimaan Pendengar Terhadap Siaran Radio NEGERI.fm.**

Pembolehubah

Peratusan (%)

	Setuju	Tidak Setuju
1. Segmen agama sangat menarik (tazkirah/belajar mengaji/tajwid Al-Quran).	76.7	23.3
2. Segmen agama perlu dibanyakkan lagi.	74.9	25.1
3. Sesuai didengar oleh semua peringkat umur .	70.3	29.4
4. Menggalakkan budaya ilmu.	69.9	30.0
5. Sesuai didengar seisi keluarga.	69.0	31.0
6. Banyak memberi manfaat.	67.2	32.8
7. Memberi banyak pendidikan.	66.2	33.8
8. Pendengar setia Radio NEGERI.fm	44.0	55.9

Jadual 3 menunjukkan sebanyak 76.7%. responden bersetuju bahawa faktor tarikan yang mempengaruhi penerimaan pendengar ialah segmen agama yang menarik termasuklah dalam bentuk tazkirah, belajar mengaji dan tajwid al-Quran. Menguatkan lagi faktor ini apabila 74.9% responden mahukan segmen agama diperbanyakkan lagi.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa perkara yang mempengaruhi pendengar terhadap siaran Radio NEGERI.fm adalah kerana ia sesuai didengar oleh semua peringkat umur (70.3%) dan seterusnya berjaya menggalakkan budaya ilmu (69.9%). Situasi ini dapat dirumuskan bahawa Radio NEGERI.fm telah berjaya menyediakan platform agama yang baik dalam memberikan alternatif kandungan rancangan bercorak agama selain daripada kebanyakan minat pendengar bagi stesen radio swasta yang lebih banyak menyajikan rancangan bercorak hiburan. Keadaan ini juga turut menjelaskan bahawa khalayak pendengar di Malaysia kini mula menjadikan radio sebagai medium untuk mendapatkan ilmu agama.

Situasi ini kelihatan setara hubungannya dengan penyelidikan tentang penggunaan dan pemuasan kehendak yang turut memberi tumpuan kajian terhadap aktiviti khalayak. Komponen utama aktiviti khalayak yang sering dijadikan bahan kajian ialah motif, faktor, dorongan atau keperluan pengguna dalam menggunakan sesuatu media (Rubin, 1993). Motif, faktor, dorongan atau

keperluan merupakan kecenderungan umum yang mempengaruhi tindakan seseorang bagi memenuhi keperluan atau keinginannya untuk menggunakan media tertentu.

Dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa pendengar Radio NEGERI.fm mempunyai motif atau tujuan tersendiri untuk mendapatkan maklumat dan dalam dapatan ini jelas bahawa Radio NEGERI.fm telah menjadi pendorong kepada pendengarnya dengan menyediakan segmen agama yang menarik malah mendapat permintaan daripada pendengar untuk memperbanyakkan lagi. Selain itu, kualiti bahan berita yang disajikan dengan penyampaian yang baik turut menjadi dorongan kepada pendengar untuk mengikutinya.

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4 di bawah, memperlihatkan kekerapan mendengar rancangan radio Negeri.fm yang menjadi pilihan pendengar. Peratusan tertinggi rancangan yang menjadi pilihan pendengar ialah segmen Berita Negeri.fm (44.7%) yang merupakan saluran informasi berita tempatan utama bagi penduduk Negeri Sembilan. Namun begitu, sebagai suatu medium pendidikan tidak formal adalah sesuatu yang memberangsangkan apabila rancangan keagamaan juga antara yang mendapat peratusan yang tertinggi, iaitu rancangan Tazkirah (39.1%) diikuti dengan Motivasi Diri (secubit ghaso) (36.1%), Nurani (32.8%) dan Sirah Nabi (32.6%).

**Jadual 4: Kekerapan Mendengar Rancangan Radio Negeri.fm**

Item	Peratusan (%)		
	Tidak Pernah	Kadang-Kadang	Agak Kerap
Berita Negeri.fm	20.4	35.0	44.7
Berita Nasional RTM	20.8	35.8	43.5
Tazkirah	21.1	39.7	39.1
Motivasi Diri (secubit ghaso)	24.3	39.5	36.1
Nurani	29.4	37.5	32.8
Sirah Nabi	26.5	40.9	32.6
Wanita & Inspirasi	29.4	37.9	32.6
Kaunselor Anda	28.3	39.7	32.0
Siaran Solat Jumaat	30.4	38.9	30.6

Jadual 1 dan 2 dalam dapatan kajian telah menjelaskan kepelbagaian pola pendengar yang dapat diringkaskan pola utamanya seperti berikut;

Purata umur pendengar yang tertinggi ialah antara 14-23 tahun sebanyak 32.9% dan 24-33 tahun sebanyak 25.2%. Majoriti pendengar Radio NEGERI.fm adalah berbangsa Melayu, iaitu sebanyak 92.3%. Purata kelulusan pendidikan terendah pendengar Radio NEGERI.fm adalah tahap sekolah rendah sehingga pendidikan tinggi yang turut mempunyai kelulusan di peringkat PhD. Pendengar meliputi individu yang bekerja di sektor awam dan swasta serta dalam kalangan pelajar sekolah juga mahasiswa universiti.

Majoriti pendengar Radio NEGERI.fm mendengar kurang sejam (43.5%) dan antara sejam hingga 2 jam (35.4%). Majoriti pendengar mendengar siaran Radio NEGERI.fm ketika dalam kenderaan atau semasa dalam perjalanan, iaitu sebanyak 35.4%.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis yang diringkaskan dalam jadual 3 dan 4 dalam bahagian dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa populariti siaran Radio NEGERI.fm sebagai suatu medium pendidikan Islam bukan formal adalah pada tahap sederhana tinggi. Pembuktian tahap penerimaan ini adalah berasaskan dapatan kajian yang menunjukkan 76.7%. Responden bersetuju faktor tarikan yang mempengaruhi penerimaan pendengar ialah segmen agama yang menarik termasuklah dalam bentuk tazkirah, belajar mengaji dan tajwid al-Quran. Menguatkan lagi faktor ini apabila 74.9% responden mahukan segmen agama diperbanyakkan lagi.

Bagi menambah baik kualiti kandungan siaran bercorak keagamaan agar lebih bermanfaat dan mempunyai nilai ilmiah, dicadangkan agar sesi wawancara bersama tokoh-tokoh akademik dan budayawan tempatan ditingkatkan. Cadangan ini merupakan satu cara untuk menonjolkan

tokoh-tokoh tempatan selain menyemarakkan motivasi pendengar berdasarkan bidang kepakaran ilmunan tertentu.

## RUJUKAN

- Aini Abdullah. (1992). *Laporan Penyelidikan Jenis dan Fungsi Pendidikan Formal dan Tidak Formal Di Dalam Keputusan Menjalankan Perniagaan Di Kalangan Peniaga Bumiputera Di Bandar Kuantan Pahang Darul Makmur*. Shah Alam.
- Education Unlimited. (2007). *Non-formal education (NFE)*. AEGEE-Europe. Retrieved from <http://www.projects.aegge.org/educationunlimited/?q=node/15>
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2010). Diakses pada: <http://pqi.stats.gov.my/result.php?token=414541c3f5b71c0775e392137024e05f>
- Kholil, S. (2004). *Pemanfaatan Media Elektronik Sebagai Media Penyiaran Islam*. *Analytica Islamica*, 6(2), 156–171.
- Krejcie R. V. & Morgan D. W. (1970) <http://opa.uprrp.edu/InvInsDocs/KrejcieandMorgan.pdf>
- Marina Munira Mutalib, S. M. H. K. O. & R. M. R. (2011). Tugas Dan Tanggungjawab Media Dalam Pembangunan Insan. In N. A. R. Muhammad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad (Ed.), *Representasi Islam Dalam Media* (1st ed., pp. 41–52). Nilai: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM.
- McQuail D. & Windahl S. (1982). *Communication Models for The Study of Mass Communications*. Longman: New York
- Media Planning Guide Malaysia (2011). 17th Ed. Kuala Lumpur: Perception Media.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Muhammed Fauzi Othman, Zainudin Hassan, O. A. K. (1996). *Pendidikan Bukan Formal (PBF) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020*. Skudai, Johor.
- Radio Televisyen Malaysia. (2010). *Laporan Tahunan Jabatan Penyiaran Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Robert McLeish, (2005). *Radio Production*. 5<sup>th</sup> ed. Burlington, MA: Focal Press
- Rubin A. M. (1993). *Audience Activity and Media Use*. Communication monographs 60, 98-105.
- Saifee, A. (2012). *The Role of Mass Media & Information Technology in Islamic Education*, 32(3), 380–390.
- Sarju, H. Bin, Hamzah, R. B., & Udin, A. Bin. (2010). *Pendidikan: Matlamat Dan Fungsinya*.

Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media. (2011). *Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media*. Putrajaya. Retrieved from <http://www.islam.gov.my/wacana-inovasi-dakwah-melalui-media-cetus-13-resolusi>

Zulkiple Abd. Ghani. (2010). *Penyebaran Dakwah Melalui Media Penyiaran Di Malaysia*. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/24933877/an-Dakwah-Melalui-Media-Penyiaran-Di-Malaysia>